

News Release

22 Oktober 2025



Membina Masa Hadapan yang Lebih Cerah untuk Komuniti Orang Asli di Malaysia

Sejak enam tahun yang lalu, inisiatif jangka panjang antara Zurich Malaysia dan EPIC Homes ini telah membantu sebelas keluarga Orang Asli berpindah ke rumah yang selamat dan mampan.

Kuala Lumpur, 22 Oktober 2025 – Rumah yang selamat dan kukuh masih merupakan antara keperluan paling mendesak bagi komuniti Orang Asli di Malaysia. Menurut [Jabatan Kemajuan Orang Asli \(JAKOA\)](#), [sebanyak 89.4 peratus isi rumah Orang Asli masih hidup dalam kemiskinan](#), dan berdepan pelbagai halangan untuk mendapatkan rumah yang kukuh dan selamat. Struktur sementara sering kali tidak mampu menahan hujan lebat, menyebabkan keluarga terdedah kepada pemindahan dan kerosakan saban tahun. Dengan kesan perubahan iklim yang semakin ketara, keluarga-keluarga ini menghadapi risiko yang lebih besar apabila cuaca ekstrem semakin kerap berlaku dan sukar dijangka.

Meskipun berdepan cabaran ini, sinar harapan mula kelihatan. Di Simpang Pulai, Perak, Encik Azimar dan Puan Wah Sepiah telah berpindah ke rumah baharu mereka pada bulan September, manakala Encik Joi dan Puan Ina berpindah pada bulan Oktober, satu permulaan baharu selepas bertahun-tahun hidup dalam ketidakpastian. Kisah mereka mencerminkan impak komitmen jangka panjang antara Zurich Malaysia dan EPIC Homes. Kini memasuki tahun keenam, kerjasama berterusan ini adalah usaha untuk menyediakan penyelesaian perumahan yang berkekalan untuk keluarga Orang Asli.

“Sebelum ini, kami tinggal di rumah buluh yang kami bina sendiri. Setiap kali hujan lebat, air akan masuk dan mengganggu kehidupan harian kami,” kongsi Encik Joi. “Kami sangat gembira kerana akhirnya mempunyai rumah yang selesa, dan telah mendapat ramai kawan baru sepanjang tempoh pembinaan,” tambah Puan Ina sambil tersenyum, sambil berkongsi bahawa anak bongsu mereka paling teruja untuk melihat rumah baharu mereka.

Kolaborasi ini lebih daripada sekadar membina rumah. Setiap keluarga terlibat secara aktif dalam proses perancangan dan pembinaan rumah mereka sendiri, pada masa yang sama memupuk rasa tanggungjawab dan kebanggaan tatkala mereka membina masa hadapan mereka. Sejak tahun 2019, inisiatif ini telah menyaksikan pembinaan rumah di Rawang, Batang Kali, Bukit Beruntung dan Kuala Kubu Baru, dengan sebanyak 11 rumah siap dibina setakat ini, sekali gus meningkatkan kualiti hidup komuniti yang memerlukan di seluruh Malaysia.

Bagi meneruskan komitmen ini, warga kerja Zurich Malaysia menganjurkan aktiviti pengumpulan dana tahunan yang turut dibantu oleh sumbangan padanan daripada Yayasan Z Zurich. Pembinaan tahun ini juga dapat dilaksanakan melalui hasil sumbangan zakat. Untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan, Zurich Malaysia turut menawarkan cuti sukarelawan sebagai salah satu manfaat pekerja, bagi membolehkan mereka menyalurkan masa, kemahiran dan tenaga terhadap pembangunan komuniti yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

“Di Zurich Malaysia, kami komited untuk menjaga setiap komuniti, tanpa mengira cabaran yang mereka hadapi. Bagi kami, lindungi segala perkara yang bermakna bermaksud tampil memberikan sokongan kepada komuniti, pekerja dan rakan kerjasama,” kata Erin Hwang, Ketua Jenama, Pemasaran dan Komunikasi Zurich Malaysia. “Berada di tapak projek dan bekerja

News Release

22 Oktober 2025



bersama para sukarelawan mengingatkan kami tentang kekuatan tindakan kolektif dan sifat ihsan. Menjadi sebahagian daripada usaha pembinaan rumah kekal untuk komuniti Orang Asli bukan sekadar sebuah projek, tetapi ia juga merupakan satu pelaburan untuk masa hadapan yang lebih cerah dan berdaya tahan, dengan membantu komuniti memperoleh kestabilan yang mereka perlukan untuk terus maju serta membina hari esok yang lebih baik.”

Inisiatif ini menghimpunkan para sukarelawan dan rakan kerjasama yang menyalurkan masa, kemahiran serta tenaga mereka untuk membantu keluarga membina asas kehidupan yang lebih kukuh. Tahun ini, seramai 62 warga kerja dan ahli keluarga Zurich Malaysia, Yayasan Z Zurich dan rakan kongsi, GXBank, menjadi sukarelawan bagi merealisasikan pembinaan rumah baharu bagi permulaan hidup yang lebih baik.

“Di GXBank, kami percaya bahawa inklusiviti bermula dengan melakukan usaha nyata yang dapat meningkatkan kehidupan komuniti yang kurang mendapat perhatian,” kata Calvin Foo, Ketua Bahagian Perhubungan Korporat di GXBank. “Melihat pasukan kami berganding bahu bersama Zurich Malaysia untuk memberi masa dan tenaga bagi merealisasikan projek ini merupakan pengalaman yang sangat bermakna dan menyentuh hati. Ini juga merupakan teras utama kami sebagai sebuah bank, iaitu meletakkan keperluan golongan kurang berkemampuan dalam setiap usaha kami. Kami amat menghargai Zurich Malaysia yang berkongsi nilai ini bersama kami, serta peluang untuk menjadi sebahagian daripada inisiatif yang penuh makna ini bersama mereka.”

Melangkah ke hadapan, warga kerja Zurich Malaysia akan terus komited terhadap usaha ini, dengan satu lagi projek pembinaan dirancang di Johor pada suku pertama tahun hadapan, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membantu komuniti Orang Asli dalam perjalanan mereka menuju masa hadapan yang lebih mampan.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kerjasama antara Zurich Malaysia dan EPIC Homes, sila layari www.zurich.com.my/care-for-what-matters/epic-homes.

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my

Tentang Yayasan Z Zurich

Yayasan Z Zurich bekerjasama dengan warga kerja Kumpulan Zurich Insurance, pihak berkepentingan yang lain, serta kerajaan dan NGO ke arah mewujudkan masa depan agar semua orang mampu berkembang maju dalam menghadapi krisis iklim yang semakin meningkat, agar mereka yang dibebani

News Release

22 Oktober 2025



tekanan hidup diperkasakan dan dapat berkongsi pendapat, agar golongan terpinggir dalam masyarakat mampu mencapai potensi penuh mereka.

Yayasan Z Zurich adalah yayasan amal berpangkalan di Switzerland yang ditubuhkan oleh ahli-ahli Kumpulan Zurich Insurance. Ia merupakan saluran utama yang digunakan oleh Kumpulan Zurich Insurance untuk melaksanakan strategi pelaburan komuniti globalnya.

Layari laman web Yayasan Z Zurich untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelbagai usahanya: <https://zurich.foundation>. Ikuti Yayasan Z Zurich di [LinkedIn](#), [Twitter](#), [Facebook](#), [Instagram](#) dan [YouTube](#).

Tentang EPIC Homes

EPIC (Extraordinary People Impacting Communities) ialah sebuah perusahaan sosial yang telah meraih pelbagai anugerah. Inisiatif utamanya, EPIC Homes, membina hubungan antara komuniti bandar dan luar bandar melalui aktiviti membina rumah untuk komuniti yang memerlukan bantuan. Inisiatif EPIC Homes memberi fokus kepada Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Sejak 2010, EPIC Homes telah mengerahkan 9,000+ individu dan 200+ organisasi untuk membina rumah yang selamat untuk lebih 350 keluarga yang memerlukan. Program pembangunan pasukan EPIC Homes memupuk empati, kepimpinan, dan kerjasama - membolehkan syarikat dan organisasi membentuk pasukan yang lebih kukuh sambil menyumbang kepada pembangunan komuniti jangka panjang.

Tentang GXBank

GX Bank Berhad (GXBank) – dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dengan deposit dijamin oleh Perbadanan Insurans Berhad Malaysia (PIDM) – merupakan bank digital pertama Malaysia yang mula beroperasi pada 1 September 2023. Dengan hampir 99% tenaga kerja rakyat Malaysia daripada sektor kewangan dan teknologi, GXbank menetapkan matlamat untuk mengganggu industri perbankan semasa dengan penyelesaian inovatif tersuai yang memperkasakan rakyat Malaysia untuk menjadi berdaya tahan dari segi kewangan dan menyokong matlamat kewangan mereka.

GXBank merupakan subsidiari kepada GXS Bank Pte. Ltd., bank digital usaha sama antara Grab Holdings Limited dengan Singapore Telecommunications Limited (Singtel). GX Bank juga dimiliki oleh sebuah konsortium para pelabur Malaysia lain, termasuk Kumpulan Kuok.